



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

5 JULAI 2023 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

5 JULAI 2023 (RABU)

Menu Rahmah RM5 sepanjang hari



REAKSI RAKYAT

“

Harganya murah, memang berbaloi kerana kita boleh pilih ayam atau ikan bersama dengan sayur. Memang membantu dalam keadaan ekonomi sekarang.”



- Pemandu lori, Awang Sabtu Sule, 45.

“

Pada saya ini berbaloi kerana kuantiti pun banyak. Sepinggang nasi dengan ikan bersama sayur hanya perlu bayar RM5 sahaja.”



- Suri Rumah, Nabilla Kabiman, 31.

“

Menu Rahmah ini bagus dan sesuai dengan masa sekarang. Cubalah Menu Rahmah di medan selera Mydin Subang Jaya, ikan, nasi dan sayur cuma RM5.”



- Pekerja swasta, Nor Azizah Nor Khalid, 32.

“

Satu usaha yang baik kerana harga makanan tanpa inisiatif ini biasanya peniaga caj mahal. Mungkin boleh mencecah RM15 untuk ayam, ikan dan sayur.”



- Pekerja swasta, Muhammad Baihaki 29.

“

Kualiti Menu Rahmah tidak dinafikan sedap tetapi saya sarankan pekedai beri kuantiti lebih sedikit. Secara keseluruhan berbaloi dan mengenyangkan.”



- Suri rumah, Rohaida Nordin, 44.



Menu Rahmah dengan harga RM5 yang ditawarkan oleh gerai Selera Kampung milik Ishak mendapat sambutan pelanggan.

“

Jangan cakap soal untung rugi, kita harap dapat pulangan akhirat dan apa yang kita buat ini akan menambah rezeki. Mungkin pelanggan lebih ramai datang.”

Menurut Jawahar Ali, biasanya permintaan Menu Rahmah akan meningkat daripada 70 pek kepada 100 pek sehari apabila tiba minggu ketiga dan keempat setiap bulan.

Katanya, peningkatan jumlah itu memberi makna masih ramai yang memerlukan Menu Rahmah untuk berjimat.

“Tidak dinafikan pada minggu pertama dan kedua lepas gaji, Menu Rahmah memang kurang mendapat sambutan tetapi akan meningkat pada hujung bulan. Mungkin orang mula berjimat.”

“Lagipun menu yang ditawarkan tiada beza, kualiti semuanya sama. Persepsi yang mengatakan kuantiti atau saiz Menu Rahmah dikurangkan tidak wujud, tiada pula ayam dipotong 16 menjadi sekecil anak ayam,” tegasnya.

Pelanggan puas hati
 Pemilik gerai Selera Kampung, Ishak

Yahaya Qin, 48, bersyukur kebanyakan pelanggan berpuas hati dengan hidangan Menu Rahmah yang ditawarkan.

Jelasnya, rata-rata pelanggan menyifatkan hidangan berkenaan mempunyai kualiti sama seperti menu berharga lebih RM10.

“Kami selalu menyediakan hidangan lengkap seperti set ikan keli bersama sayur namun kadangkala tukar kepada sardin atau ayam.”

“Menu Rahmah ini antara yang dicari orang ramai lebih-lebih lagi ketika bulan Ramadan apabila lebih 100 makanan tersebut terjual setiap hari ketika itu. Walaupun harga RM5, pihak kami tetap menjaga kualiti rasa,” katanya yang turut akan mengekalkan Menu Rahmah selagi ada permintaan.

Jelasnya, meskipun keuntungan diraih agak sedikit tetapi beliau mahu menyahut seruan untuk sama-sama meringankan beban masyarakat susulan keadaan ekonomi tidak menentu.

Inisiatif Menu Rahmah yang dilaksanakan kini masih mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai terutamanya pada hujung bulan.

Layari www.belanjawan.mof.gov.my/ manfaat untuk mengetahui lebih lanjut pelbagai inisiatif yang diperkenalkan dan meneroka lebih banyak peluang yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat.

#Belanjawan 2023
 #BelanjawanMADANI

Restoran sahut seruan kerajaan, sedia harga murah selagi ada permintaan

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN

Dalam usaha menangani peningkatan kos sara hidup, Kerajaan Perpaduan telah memperkenalkan inisiatif Payung Rahmah untuk membantu golongan miskin dan kurang mampu.

Payung Rahmah di bawah inisiatif Belanjawan 2023 bertujuan memberi pelbagai manfaat untuk meringankan beban dan kos sara hidup rakyat yang kurang berkemampuan.

Kebajikan golongan B40 menjadi agenda utama Payung Rahmah menerusi tiga program khas iaitu Menu Rahmah, Jualan Rahmah dan Bakul Rahmah yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Payung Rahmah merupakan manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang kerajaan kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan strategik yang terlibat.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, pihaknya tidak menghadkan tempoh jualan Menu Rahmah malah akan dilaksanakan selagi ada permintaan.

Katanya, walaupun pelbagai persepsi timbul, Presma mengamalkan konsep budi bicara ahli-ahli dalam menyediakan Menu Rahmah bagi menzahirkan niat mereka untuk melakukan amal jariah.

“Kita perlu faham dalam konteks Menu Rahmah tiada sebarang unsur paksaan. Peniaga juga tidak mengharapkan sebarang insentif tetapi kalau kerajaan boleh bantu peniaga, mungkin program ini boleh bertahan lebih lama.”

“Jangan cakap soal untung rugi, kita harap dapat pulangan akhirat dan apa yang kita buat ini akan menambah rezeki, seperti mungkin lebih ramai pelanggan akan datang.”

“Kami hanya menyahut seruan kerajaan agar dapat membantu lebih ramai yang terkesan dan yang memerlukan makanan dengan harga lebih murah,” katanya kepada Sinar Harian.

INISIATIF PAYUNG RAHMAH

Mengurangkan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar merangkumi:

RM5

MENU RAHMAH
 KASIH SARA HIDUP

- Menawarkan set makan tengah hari dan makan malam pada harga RM5 sahaja.

RM43j untuk FAMA buka 2,500 lagi kawasan jualan

Kabinet lulus dana bantu rakyat dapatkan bahan keperluan asas pada harga lebih murah

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan menyalurkan peruntukan tambahan RM43 juta kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membuka 2,500 lagi kawasan baharu jualan secara langsung dalam tempoh enam bulan akan datang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata peruntukan tambahan itu diluluskan Kabinet minggu lalu, selaras usaha membantu rakyat mendapatkan bahan keperluan asas pada harga lebih murah berbanding pasaran.

“Peruntukan tambahan RM43 juta adalah bagi enam bulan terakhir tahun ini, yang mana 5,000 lokasi akan dikenal pasti dan mungkin sasaran 2,500 untuk kawasan baharu untuk jualan langsung.

“Sehingga kini, FAMA sudah melakukan jualan di 523 lokasi kawasan berkepadatan tinggi,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Kemaajuan Desa dan Wilayah, berkata FAMA bertanggungjawab melakukan jualan langsung di 10,000 lokasi kawasan berkepadatan tinggi seluruh negara.



Ahmad Zahid pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Ahmad Zahid berkata, 10,000 lokasi penganjuran jualan langsung FAMA di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) itu dijangka dapat dicapai pada suku ketiga tahun hadapan.

Katanya, inisiatif Jualan Rahmah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan diadakan di 11 lagi kawasan Parlimen dalam masa terdekat bagi melengkapkan 222 Parlimen.

52 lokasi jualan

Sehingga 30 Jun lalu, beliau berkata, Program Jualan Agro MADANI dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 52 lokasi di kompleks kerajaan.

“Saya difahamkan ia membabitkan 720 orang usahawan tempatan dengan nilai perjimatan kepada pelanggan mencecah RM320,000.

“Berdasarkan kajian, kita dapati ada sedikit permasalahan mengenai beras dan gula tetapi itu sangat terpencil kerana kedua-dua

nya adalah barangan kawalan.

“KPDN dan KPKM diarah beringat untuk membentuk penyelarasan bagi menambah baik jualan murah lebih komprehensif,” katanya.

Dalam perkembangan lain, senarai nama dari Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan majlis agama Islam akan digunakan bagi mengenal pasti kumpulan asnaf dan daif di kawasan bandar untuk dibantu bagi menangani isu miskin bandar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pendekatan itu dilakukan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi membolehkan bantuan diberikan secara langsung kepada kumpulan sasaran.

“Bagi kawasan miskin bandar, kita akan lakukan secara NBOS menggunakan senarai daripada PPZ dan majlis agama Islam namun tidak berhasrat mencampuri soal pentadbiran.

“Kita memohon kumpulan asnaf dan daif dibantu secara langsung di kawasan bandar mengikut

senarai sedia ada,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Zahid dalam satu kenyataan berkata, analisis sentimen media sosial dan lapangan kos sara hidup bagi tempoh 21 hingga 27 Jun lalu mendapati, isu bawah kategori ekonomi direkodkan 10.4 peratus dengan subkategori utama, antaranya membabitkan kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan.

Beliau berkata, isu di lapangan berkaitan kenaikan harga barang direkodkan sebanyak 68.1 peratus, kekurangan bekalan (23.5 peratus) dan lain-lain (8.4 peratus).

“Berdasarkan dapatan berkenaan, rakyat mengeluh mengenai kenaikan kos sara hidup susulan kenaikan harga barangan asas.

“Selain itu, kekurangan bekalan minyak masak paket dan gula turut berbangkit.

“Justeru saya bersetuju usaha proaktif berterusan dalam mengurangkan beban rakyat menerusi pengesahan pihak ketiga seperti industri dan pemimpin pendapat utama,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

5 JULAI 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 JULAI 2023

| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
|--------|---|---|-----------------|
| 5-Jul | KPDN rangka Dasar Ekonomi Rahmah, tingkat ekonomi miskin tegar | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/266593 | SH |
| 5-Jul | Salahuddin: Domestic Trade Ministry drafting Rahmah Economic Policy to improve living standards of B40, hardcore poor | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/07/05/salahuddin-domestic-trade-ministry-drafting-rahmah-economic-policy-to-improve-living-standards-of-b40-hardcore-poor/77895 | MALAYMAIL |
| 5-Jul | Minister: KPDN drafting Rahmah Economic Policy to improve living standards of B40, hardcore poor | https://www.theborneopost.com/2023/07/05/minister-kpdn-drafting-rahmah-economic-policy-to-improve-living-standards-of-b40-hardcore-poor/ | THEBORNEOPOST |
| 5-Jul | Dasar Ekonomi Rahmah usaha akhiri miskin tegar | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/07/1122457/dasar-ekonomi-rahmah-usaha-akhiri-miskin-tegar | BH |
| 5-Jul | KPDN rangka Dasar Ekonomi Rahmah, tingkat ekonomi miskin tegar | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2203564 | BERNAMA |
| 5-Jul | KPDN drafting rahmah economic policy to improve living standards of B40, hardcore poor | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2203568 | BERNAMA |
| 5-Jul | Ministry drafting Rahmah Economic Policy to improve living standards of B40, hardcore poor | https://theedgemaalaysia.com/node/673586 | THEEDGEMARKETS |
| 5-Jul | KPDN rangka dasar ekonomi Rahmah, tingkat ekonomi B40, miskin tegar | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/984336/kpdn-rangka-dasar-ekonomi-rahmah-tingkat-ekonomi-b40-miskin-tegar | HM |
| 5-Jul | KPDN adakan perbincangan kaedah pembahagian royalti artis | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-adakan-perbincangan-kaedah-pembahagian-royalti-artis-426636%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 5-Jul | Peruntuk RM43 juta kepada FAMA buka kawasan baharu jualan langsung | https://malaysiagazette.com/2023/07/04/peruntuk-rm43-juta-kepada-fama-buka-kawasan-baharu-jualan-langsung/ | MALAYSIAGAZETTE |

| | | | |
|-------|---|---|-----------|
| 5-Jul | RM43 juta peruntukan tambahan kepada FAMA laksana inisiatif jualan langsung | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/rm43-juta-peruntukan-tambahan-kepada-fama-laksana-inisiatif-jualan-langsung/ | KOSMO |
| 5-Jul | RM43 juta laksana program Jualan Agro Madani | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/266532 | SH |
| 5-Jul | FAMA terima peruntukan tambahan RM43 juta | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/66638-fama-terima-peruntukan-tambahan-rm43-juta | BERITARTM |